

Kerajaan sedang kenal pasti projek baru fasa kedua MSC

BH 16 MAY 2007

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang mengenal pasti projek baru untuk dilaksanakan dalam fasa kedua aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri berkata, syarikat teknologi maklumat (IT) antarabangsa berperanan membantu menggerakkan fasa kedua itu nanti selepas fasa pertama aplikasi itu sudah beroperasi atau dalam proses untuk disiapkan.

"Kini, kita dalam fasa kedua. Kita mahu mengenal pasti projek baru dan saya yakin ada peranan untuk firma antarabangsa turut serta seperti dalam fasa pertama," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis dialog Forum Perniagaan Malaysia-India yang dihadiri kira-kira 800

peniaga dari kedua-dua negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee turut hadir dengan menyampaikan ucapan pada forum bertemakan "Mempertingkatkan Perkongsian Malaysia-India: Wawasan Bersama bagi Abad Ke-21" anjuran Institut Kepemimpinan Strategik Asia (Asli).

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak memberi penjelasan lanjut mengenai projek baru dan jenis aplikasi yang akan dibangunkan dalam fasa kedua kelak.

Gelombang pertama MSC memabitkan pembangunan tujuh aplikasi perdana iaitu kad pintar pelbagai guna, sekolah bestari, teleperubatan, kelompok penyelidikan dan pembangunan, pusat pemasa-

ran tanpa sempadan dan kerajaan elektronik.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, syarikat perisian dari India akan turut serta dalam projek baru MSC.

"Ini kerana kita memerlukan lebih banyak pelaburan asing dalam MSC. MSC amat bergantung kepada pelaburan langsung asing.

"Saya rasa kepakaran India dalam perisian boleh memainkan peranan kerana pembangunan IT memerlukan kandungan teknologi," katanya sambil menambah, penggunaan teknik perfileman canggih sudah digunakan di India.

"Saya yakin banyak lagi benda baru dalam pembangunan filem. India boleh tampil dengan idea baru mengenai kaedah itu. Pe-

nyelidikan seumpama ini amat dialukan dalam MSC," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia percaya usaha itu boleh mewujudkan kerjasama dengan bandar raya multimedia lain di seluruh dunia.

"MSC boleh bekerjasama dengan Lembah Silicon India," katanya.

Menjawab pertanyaan peserta dari India mengenai rahsia kejayaan Malaysia, Dr Mahathir berkata, ia kerana pendekatan berdasarkan konsep persyarikatan yang memabitkan kerjasama antara sektor awam dan swasta.

Katanya, konsep itu mempercepatkan kadar pembangunan dalam semua bidang kerana semua pihak memberi kerjasama dan mendapat manfaat daripadanya.